

TAHAP PENGUASAAN GURU PELATIH TENTANG PENTAKSIRAN BILIK DARJAH:  
KAJIAN SEMASA PRAKTIKUM

Nur Hidayah Binti Che Fadzil  
*hidayahfadzil98@gmail.com*

Rozita Md.Noh, PhD.  
*rozitamdnoh@gmail.com*

Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam, Bangi

Abstrak

Kajian ini dijalankan untuk meninjau tahap pengetahuan dan tahap kemahiran guru pelatih tentang pentaksiran bilik darjah (PBD), perbezaan antara tahap pengetahuan dengan tahap kemahiran guru pelatih berdasarkan jantina serta hubungan antara tahap pengetahuan dengan tahap kemahiran guru pelatih tentang PBD. Kajian ini ialah kajian kuantitatif dengan reka bentuk kajian tinjauan. Kajian ini menggunakan soal selidik yang melibatkan sampel seramai 124 guru pelatih semester lapan di Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam (IPGKPI). Analisis data menggunakan perisian SPSS 25.0 yang melibatkan analisis deskriptif (peratus, min dan sisihan piawai) serta analisis inferensi (Ujian-T bagi dua sampel bebas dan Ujian Korelasi Pekali Pearson). Hasil kajian rintis berdasarkan analisis Alpha Cronbach bagi setiap bahagian soal selidik menunjukkan tahap kebolehpercayaan ialah 0.98. Hasil kajian mendapat bahawa tahap pengetahuan guru pelatih tentang PBD adalah berada pada tahap tinggi dengan nilai min 4.32. Bagi tahap kemahiran guru pelatih tentang PBD juga berada pada tahap tinggi dengan nilai min 4.36. Analisis Ujian-T pula menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pengetahuan dan tahap kemahiran guru pelatih berdasarkan jantina. Hasil analisis Ujian Korelasi menunjukkan terdapat hubungan yang positif antara tahap pengetahuan dengan tahap kemahiran guru pelatih tentang PBD dengan nilai signifikan  $P=0.00$ . Dapatkan kajian ini diharapkan akan memberi implikasi kepada guru pelatih, para pensyarah dan pihak IPG agar sentiasa cakna dengan tahap pengetahuan dan kemahiran guru pelatih tentang PBD. Hal ini adalah kerana pengetahuan dan kemahiran yang mantap akan meningkatkan mutu pendidikan selaras dengan hasrat kerajaan dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Kata kunci: Pengetahuan, Kemahiran, Guru Pelatih, Pentaksiran Bilik Darjah, Praktikum

*Abstract*

*This study was conducted to examine the level of knowledge and skill of trainee teachers on classroom assessment (CA), the difference between the level of knowledge and the level of skill of trainee teachers based on gender and the relationship between the level of knowledge and the level of skill of trainee teachers on CA. This study is a quantitative study with a survey study design and used a set of questionnaire involving 124 of the 8th semester trainee teachers of Institute of Teacher Education, Islamic Education Campus (IPGKPI). SPSS 25.0 software had been used for data analysis which was a descriptive analysis (percentage, mean and standard deviation) and inference analysis (T-Test for two independent samples and Pearson Coefficient Correlation Test). The result of the pilot study based on Cronbach Alpha analysis for each part of the questionnaire shows that the reliability level is 0.98. The result of this study found that the level of knowledge of trainee teachers on CA is at a high level with mean 4.32 while the level of skill of trainee teachers on CA also is at high level with mean 4.36. The T-Test analysis showed that there is no significant difference between the level of knowledge and the level of skill of trainee teachers based on gender. The result of the Correlation Test analysis showed that there was a positive relationship between the level of knowledge and the level of skill of trainee teachers on CA with significant value  $P=0.00$ . The finding of this study is expected to have implications for trainee teachers, lecturers, and IPG to always be concerned on the level of knowledge and the level of skill of trainee teachers on CA. This is because performing*

*knowledge and skill will improve the quality of education in line with the aspiration of the government and the National Education Philosophy.*

*Key word: Knowledge, Skill, Trainee Teachers, Classroom Assessment, Practicum*

Pada hujung tahun 2016, Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) telah diperkenalkan oleh KPM menggantikan Pentaksiran Sekolah (PS) yang merupakan salah satu komponen akademik dalam PBS. Menurut KPM (2018), PBD merupakan proses yang berterusan dalam sesi PdP bagi mendapatkan maklumat tentang perkembangan, kemajuan, kebolehan dan penguasaan murid terhadap matlamat kurikulum yang diharatkannya. PBD membolehkan guru menjalankan penilaian secara holistik dari aspek kognitif, psikomotor, afektif dan rohani. Secara tidak langsung, penilaian PBD seiring dengan kandungan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang menekankan aspek fizikal, mental dan kerohanian, iaitu jasmani, emosi, rohani dan intelektual (JERI) (Sh. Siti Hauzimah, 2019).

Pelatih guru di Institut Pendidikan Guru (IPG) juga tidak terlepas dari melibatkan diri dalam PBD. Ini berikutan pelatih guru perlu menjalani praktikum di sekolah selama enam bulan. Menurut Miller Yong dan Anuar (2014), IPG sebagai pusat latihan perguruan perlu sentiasa peka dengan mutu latihan yang sesuai dengan keperluan pendidikan semasa. Oleh itu, kajian melibatkan responden penuntut akhir di IPG Kampus Pendidikan Islam yang sudah mempunyai pengalaman menjalani praktikum di sekolah. Kajian ini bertujuan mengenalpasti pengetahuan guru pelatih serta kemahiran mereka dalam PBD.

### **Penyataan Masalah**

PBD merupakan satu pendekatan baharu bagi membolehkan pembangunan potensi murid dapat dibina secara menyeluruh (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2012). Noor Akmar (2019) menyatakan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) adalah berorientasikan perkembangan murid. Pentaksiran menjadi satu wadah yang lebih fleksibel dan tidak hanya menguji satu aspek kognitif sahaja. Hamimah dan Rohaya (2014) melaporkan guru-guru bersetuju dan menerima pelaksanaan pentaksiran. Ahmad dan Mahamod (2016) mendapat kemahiran pentaksiran guru membolehkan murid mencapai objektif pembelajaran dan kemahiran yang dikehendaki dalam kurikulum. Ini selari dengan Chan dan Gurnam (2012) yang menyatakan guru sewajarnya mempunyai kombinasi pengetahuan, kepakaran dan kemahiran yang dapat membina kefahaman dan mencapai tujuan pentaksiran.

Namun, melalui kajian yang dijalankan oleh Rorlinda dan Faridah Anum, (2014) mendapati tahap kesedaran dan pengetahuan guru pelatih terhadap konsep-konsep utama dalam pentaksiran masih berada di tahap yang rendah. Kajian oleh Abdull Sukor, Mohd Izam, Nurahimah dan Mohd Isha (2016) mendapati guru pelatih yang menjalani praktikum menghadapi masalah pengurusan masa sehingga tidak dapat menjalankan pentaksiran yang telah dirancang. Kajian oleh Fakhri dan Mohd Isha, (2016) mendapati guru terbeban dengan kerja lain menyebabkan guru tidak dapat menfokuskan kepada pentaksiran. Menerusi kajian yang dijalankan oleh Zahari, Nor Hasnida, Nor Junainah dan Priyalatha Govindasamy (2020), mendapati guru pelatih perempuan memberikan pandangan yang negatif terhadap PBD berikutan isi kandungan yang banyak. Guru pelatih juga merasakan PBD suatu yang kompleks untuk difahami.

Justeru itu, pengkaji mendapati terdapat kelompongan antara kajian-kajian yang telah dijalankan. Banyak kajian yang dijalankan meninjau cabaran dan isu yang berlaku dalam kalangan guru di sekolah. Tambahan, kajian yang dijalankan terhadap guru pelatih tidak banyak dijalankan. Oleh itu, pengkaji mengambil inisiatif menjalankan kajian meninjau PBD dalam kalangan guru pelatih IPG. Kajian ini penting dijalankan untuk mengetahui tahap pengetahuan dan kemahiran pelatih guru tentang PBD agar dapat merancang kursus sampingan yang dapat memenuhi kehendak PBD.

### **Objektif Kajian**

1. Mengenalpasti tahap pengetahuan guru pelatih tentang PBD.
2. Mengenalpasti tahap kemahiran guru pelatih tentang PBD.
3. Mengenal pasti perbezaan antara tahap pengetahuan dan tahap kemahiran guru pelatih terhadap PBD berdasarkan jantina.
4. Mengenalpasti hubungan antara tahap pengetahuan dan tahap kemahiran guru pelatih tentang PBD.

### Soalan Kajian

1. Apakah tahap pengetahuan guru pelatih tentang PBD?
2. Apakah kemahiran guru pelatih tentang PBD?
3. Adakah terdapat perbezaan antara tahap pengetahuan dan tahap kemahiran guru pelatih terhadap PBD berdasarkan jantina?
4. Adakah terdapat hubungan tahap pengetahuan dan tahap kemahiran guru pelatih tentang PBD?

### Tinjauan Literatur

Kamus Pelajar Edisi Kedua (2015) mendefinisikan pengetahuan sebagai ilmu, segala apa yang diketahui atau yang dipelajari tentang sesuatu ilmu. Keadaan mengetahui, apa-apa yang diketahui, hal mengetahui, kebijakan dan kepandaian. Menurut Naquiah dan Jimaaín (2017), pengetahuan ialah maklumat atau penguasaan seseorang guru tentang sesuatu perkara. Ketinggian dan kedalaman ilmu pengetahuan tentang sesuatu perkara merupakan aset paling berharga dan asas paling utama yang harus dimiliki oleh setiap guru yang berada dalam profesion keguruan. Dalam kajian ini, tahap pengetahuan berkaitan PBD yang merangkumi perancangan, pelaksanaan, tindakan susulan selepas melaksanakan PBD serta pengetahuan tentang pelaporan PBD.

Menerusi Ili Atiqah dan Amir, (2016) definisi kemahiran pula dinyatakan secara umum untuk pelbagai bidang dan tujuan yang melibatkan penggunaan kemahiran ini termasuklah pendidikan. Mohd Nasir dan Abdul Said (2018), menyatakan kemahiran terbahagi kepada kemahiran berfikir, kemahiran pengurusan, kemahiran kepimpinan, kemahiran komunikasi dan sebagainya. Dalam konteks kajian ini, pengkaji mendapati kemahiran pengurusan merupakan kemahiran yang berkaitan dengan kajian. Kemahiran pengurusan pula didefinisikan melalui Sonia (2004) yang menyatakan bahawa kemahiran pengurusan melibatkan kemahiran merancang, melaksana, memimpin dan mengawal. Kemahiran dalam kajian ini merangkumi kemahiran merancang PBD, kemahiran melaksana, kemahiran menjalankan tindakan susulan dan kemahiran membuat pelaporan.

Melalui Mohd Fairuz, Shahizan dan Azalina Yusoff (2017), guru pelatih merupakan mereka yang dilatih di instituti pendidikan yang menyediakan program latihan perguruan. Dalam konteks kajian ini, guru pelatih merupakan pelajar yang menuntut di IPG. Namun begitu, guru pelatih yang dimaksudkan dalam kajian ialah guru pelatih ambilan Jun 2017 di IPGKPI iaitu semua guru pelatih semester lapan.

Melalui Lim Khong Chiu, Nor Idayu, Shahizan, Abdul Razak dan Mohd Azlan (2010), menyatakan praktikum bertujuan memberi pendedahan kepada para pelajar untuk memahami hal-hal yang berkaitan dengan alam pekerjaan yang sebenar sebelum mereka menamatkan pengajian mengikut bidang pengkhususan yang dijurusi. Mohd Fairuz et al. (2017) menyatakan selain pengajian secara formal di bilik kuliah, guru-guru pelatih dalam program PISMP perlu melalui program latihan mengajar di sekolah sebanyak dua fasa. Kajian ini memilih pelatih guru daripada semester 8 menjalani praktikum fasa satu dan fasa dua sebagai responden kajian.

Sehubungan dengan itu, Model Pentaksiran Bilik Darjah KPM dipilih sebagai panduan kajian kerana merangkumi aspek-aspek yang lengkap dalam PBD. Model ini menunjukkan pelaksanaan PBD yang lengkap bermula dengan merancang, melaksana, merekod dan menganalisis penguasaan

murid, tindakan susulan jika perlu dan pelaporan. Model ini sebagai panduan yang lengkap buat guru pelatih memperoleh pengetahuan dan kemahiran dalam PBD.

Kajian oleh Hamimah dan Rohaya (2014) menunjukkan guru-guru bersetuju dan menerima pelaksanaan PBD. PBD membuatkan guru-guru lebih endah terhadap perkembangan murid. Namun dalam kajian oleh Fakhri dan Mohd Isha (2016) menunjukkan guru terbeban dengan kerja lain menyebabkan guru tidak dapat menfokuskan kepada pentaksiran. Kajian Rorlinda dan Faridah Anum (2014) mendapati tahap kesedaran dan pengetahuan guru pelatih terhadap konsep utama dalam pentaksiran masih berada di tahap yang rendah. Menerusi Abdull Sukor et al. (2016) mendapati guru pelatih yang menjalani praktikum menghadapi masalah pengurusan masa sehingga tidak dapat melaksanakan pentaksiran. Melihat kepada jurang yang wujud dalam kajian-kajian ini membuatkan pengkaji ingin mengkaji tahap pengetahuan dan kemahiran guru pelatih tentang PBD.

Dapatkan kajian lepas melalui Lee Hoi yeh (2020) menyatakan guru yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran akan mempunyai kesediaan yang tinggi dalam melakukan pentaksiran bilik darjah. Pengetahuan guru pelatih yang optimum tentang peranan guru dalam PBD mampu menyelaraskan tindakan yang terhasil. Perkara yang diharapkan dalam PBD tidak tercapai jika kurang pengetahuan. Namun, inilah yang dilaporkan dalam kajian oleh Fakhri dan Mohd Isha, (2016) yang menyatakan walaupun guru-guru telah mengikuti latihan dan kursus PBD, namun guru-guru masih tidak yakin dalam amalan PBD. Guru-guru dilihat masih kurang pengetahuan, latihan dan kemahiran dalam melaksanakan PBD. Dapatkan kajian ini selari dalam kebanyakan kajian seperti Hamimah dan Rohaya (2014); Siti Hayati dan Lee Hoi Yeh (2018).

Melalui Zulkifli Hassan dan Norazilawati Abdullah (2016) yang meninjau tahap kesediaan, tahap pengetahuan dan kemahiran guru dalam melaksanakan pentaksiran aktiviti jasmani, sukan dan kokurikulum. Dapatkan ini menunjukkan guru-guru mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang sederhana dalam pentaksiran. Dapatkan yang berbeza ditunjukkan dalam kajian oleh Sh. Siti Hauzimah (2019). Kajian ini melaporkan bahawa pengetahuan dan kemahiran guru tentang pelaksanaan PBD berada di tahap tinggi. Walaupun kajian dibuat kepada guru di pedalaman, namun guru-guru menunjukkan pengetahuan dan kemahiran yang tinggi dalam pelaksanaan PBD seperti yang digariskan oleh KPM. Dapatkan ini selari dalam Aniza dan Zamri (2015); Tan Jia Yuh dan Husaina Banu Kenayathulla (2020).

Zahari et al. (2020) yang meninjau tahap kemahiran guru pelatih universiti awam terhadap PBD mendapati guru pelatih menilai kemahiran diri mereka pada tahap yang tinggi dalam semua konstruk. Antara konstruk yang dinilai ialah pentadbiran, perancangan, etika dan sebagainya. Pengkaji menyatakan antara faktor guru pelatih menilai kemahiran dengan agak tinggi kerana guru pelatih sudah menerima latihan dan bimbingan serta penilaian kemahiran yang tinggi serta menunjukkan guru pelatih sudah bersedia untuk menjadi guru. Namun begitu, pengkaji menambah kemahiran ini pasti akan berubah sekiranya guru pelatih sudah menjadi guru sebenar.

Kemahiran membina instrumen pemarkahan merupakan kemahiran penting yang perlu ada. Instrumen ini akan membantu guru mentaksir tanpa bias dan memastikan kesahan dalam PBD. Namun kajian oleh Lee Hoi Yeh (2020), menunjukkan daptan yang berbeza. Guru-guru dilihat tidak menggunakan rubrik pemarkahan, ini berikutan rubrik yang disediakan tidak dapat digunakan sepenuhnya. Kajian yang dijalankan oleh Halimah dan Rozita Radhiah (2019) juga menunjukkan bahawa guru-guru memahami kehendak DSKP dengan persepsi yang tersendiri. Kajian ini juga mendapati bahawa guru-guru mentaksir murid secara purata tidak secara individu. Ini menunjukkan kemahiran guru-guru mentaksir murid secara individu, sama rata dan merujuk DSKP masih rendah.

Melihat kepada kelompongan kajian-kajian lepas, serta kekurangan kajian yang mengkaji PBD melibatkan guru pelatih, maka kajian ini akan meninjau tahap pengetahuan dan kemahiran guru pelatih tentang PBD.

### Metodologi Kajian

#### Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tinjauan dan dijalankan secara kuantitatif. Reka bentuk ini dipilih kerana melibatkan responden yang ramai serta menguji boleh ubah dalam kajian.

#### Pensampelan

Populasi bagi kajian ini adalah terdiri daripada guru pelatih semester lapan ambilan Jun 2017. Mohd Majid (1998) menyatakan sampel yang dipilih sekurang-kurangnya mempunyai sifat yang sama dengan populasi dalam penyelidikan. Oleh itu, dalam pemilihan sampel, pengkaji menggunakan kaedah persampelan rawak mudah. Pengkaji menggunakan jadual penentuan saiz sampel oleh Krejcie dan Morgan (1970). Hasilnya seramai 113 orang guru pelatih di semester 8 merupakan sampel kajian.

#### Pengumpulan dan Penganalisisan Data

Bagi mengumpul data, kajian ini menggunakan instrumen soal selidik yang mengandungi tiga bahagian iaitu Bahagian A, B dan C. Bahagian A berkenaan maklumat demografi, manakala Bahagian B mengandungi 16 item soalan berkenaan pengetahuan guru pelatih tentang PBD. Bahagian C pula mengandungi 16 item soalan merangkumi kemahiran guru pelatih tentang PBD. Format maklum balas adalah merujuk kepada lima mata skala likert. Soal selidik dibina dengan merujuk instrumen kajian oleh Sh. Siti Hauzimah (2018). Tambahan, pengkaji juga mengubahsuai instrumen mengikut konteks kajian.

Bagi memastikan kebolehpercayaan instrumen berada pada tahap diterima dan memuaskan, maka pengkaji telah menjalankan kajian rintis bagi melihat kestabilan nilai yang diperoleh. Hasil penganalisisan nilai pekali Cronbach Alpha menggunakan perisian Statistical Package for Social Science 25.0 (SPSS) memperoleh nilai pekali 0.98. Interpretasi nilai pekali ini adalah mengikut Bond & Fox (2015) dalam Lily Hanefarezan, Maimun Aqsha, Ashinida dan Mus'ab (2018). Nilai pekali baik dan boleh diterima adalah dalam lingkungan 0.71-0.99.

Data-data yang diperoleh dianalisis menggunakan SPSS 25.0. Analisis deskriptif digunakan untuk memperoleh maklumat tentang min, sisihan piawai dan peratus. Nilai min akan diinterpretasi mengikut Skala Interpretasi Skor Min oleh Nunaly dan Bernstein, (1994).

Jadual 1

Skala Interpretasi Skor Min (Nunaly & Bernstein, 1994).

Julat Skor Min	Interpretasi
1.00 hingga 2.00	Rendah
2.01 hingga 3.00	Sederhana Rendah
3.01 hingga 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 hingga 5.00	Tinggi

Analisis statistik inferensi iaitu Ujian t Dua Sampel Bebas digunakan untuk melihat perbezaan pengetahuan dan kemahiran guru pelatih terhadap PBD berdasarkan jantina. Manakala analisis korelasi Pearson digunakan untuk menentukan sama ada terdapat hubungan yang signifikan tahap pengetahuan dengan tahap kemahiran guru pelatih tentang PBD.

### Dapatkan Kajian

#### Soalan Kajian 1: Apakah tahap pengetahuan guru pelatih tentang PBD?

Dapatkan kajian terhadap tahap pengetahuan guru pelatih tentang PBD bagi keseluruhan item berada pada tahap yang tinggi dengan skor min=4.32 sisihan piawai=0.49. Interpretasi skor min ini menunjukkan guru pelatih mempunyai pengetahuan yang sangat baik tentang PBD. Jadual 2 menunjukkan dapatkan keseluruhan mengikut konstruk.

**Jadual 2**  
*Tahap Pengetahuan Guru Pelatih Tentang PBD*

<b>Item</b>	<b>Konstruk</b>	<b>Skor Min</b>	<b>Sisihan Piawai</b>	<b>Interpretasi</b>
B1-B4	Perancangan	4.40	0.54	Tinggi
B5-B8	Pelaksanaan	4.30	0.61	Tinggi
B9-B12	Tindakan Susulan	4.50	0.46	Tinggi
B13-16	Pelaporan	4.27	0.67	Tinggi
<b>Min keseluruhan</b>		<b>4.32</b>	<b>0.49</b>	<b>Tinggi</b>

Konstruk Tindakan Susulan memperoleh skor min yang tertinggi. Manakala konstruk Pelaporan memperoleh skor min terendah dengan 4.27 dengan interpretasi Tinggi. Dua konstruk yang mendapat nilai min lebih tinggi dari nilai min keseluruhan iaitu Perancangan dan Tindakan Susulan.

**Soalan kajian 2:** **Apakah kemahiran guru pelatih tentang PBD?**

Dapatkan kajian terhadap tahap kemahiran guru pelatih tentang PBD bagi keseluruhan item berada pada tahap yang tinggi dengan skor min=4.36 sisihan piawai=0.49. Interpretasi skor min ini menunjukkan guru pelatih mempunyai kemahiran yang sangat baik tentang PBD. Jadual 2 menunjukkan daptan keseluruhan mengikut konstruk.

**Jadual 3**  
*Tahap Kemahiran Guru Pelatih Tentang PBD*

<b>Item</b>	<b>Konstruk</b>	<b>Skor Min</b>	<b>Sisihan Piawai</b>	<b>Interpretasi</b>
B1-B4	Perancangan	4.40	0.54	Tinggi
B5-B8	Pelaksanaan	4.29	0.61	Tinggi
B9-B12	Tindakan Susulan	4.50	0.43	Tinggi
B13-16	Pelaporan	4.27	0.67	Tinggi
<b>Min keseluruhan</b>		<b>4.36</b>	<b>0.49</b>	<b>Tinggi</b>

Konstruk Tindakan Susulan memperoleh skor min yang tertinggi iaitu 4.50. Manakala konstruk Pelaporan memperoleh skor min terendah dengan 4.27 dengan interpretasi Tinggi. Dua konstruk yang mendapat nilai min lebih tinggi dari nilai min keseluruhan iaitu konstruk Perancangan dan Tindakan Susulan.

**Soalan Kajian 3: Adakah terdapat perbezaan antara tahap pengetahuan dan tahap kemahiran guru pelatih terhadap PBD berdasarkan jantina?**

Pengkaji telah menjalankan ujian Levene untuk memastikan varians kedua-dua kumpulan adalah sama atau berbeza secara signifikan. Hasil ujian Levene bagi pemboleh ubah tahap pengetahuan guru pelatih terhadap PBD mendapat nilai  $F = 8.04$  dan nilai  $P = 0.005$ , manakala pemboleh ubah tahap kemahiran guru pelatih terhadap PBD iaitu  $P = 0.03$ . Hasil ujian Levene menunjukkan ( $P < 0.05$ ). Oleh itu, pengkaji melihat nilai t pada bahagian variasi yang sama tidak diandaikan (Equal Variances Not Assumed). Hasil analisis ujian T bagi dua sampel bebas ini dapat dijelaskan melalui Jadual 4.

**Jadual 4**  
*Hasil Analisis Ujian T Dua Sampel Bebas*

	<b>Jantina</b>	<b>N</b>	<b>Min</b>	<b>Nilai T</b>	<b>df</b>	<b>Sig</b>
Tahap pengetahuan guru pelatih terhadap PBD	Lelaki	52	4.34	0.37	121.79	0.71
	Perempuan	72	4.30			
Tahap kemahiran guru pelatih terhadap PBD	Lelaki	52	4.40	0.81	122	0.42
	Perempuan	72	4.34			

Keputusan analisis ujian t dua sampel bebas menunjukkan tahap pengetahuan guru pelatih terhadap PBD berdasarkan jantina dengan nilai  $t$  (121.79) = 0.37 dan nilai  $P= 0.71$  ( $P>0.05$ ). Kesimpulannya, tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap pengetahuan guru pelatih terhadap PBD berdasarkan jantina. Bagi tahap kemahiran guru pelatih terhadap PBD, keputusan analisis mendapati nilai  $t$  (122) = 0.81 dan nilai  $P= 0.41$  ( $P>0.05$ ). Dapatkan ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kemahiran guru pelatih terhadap PBD berdasarkan jantina lelaki dan perempuan.

Walaupun begitu, analisis dengan lebih mendalam melalui item-item dalam pemboleh ubah didapati adanya perbezaan antara jantina lelaki dan perempuan. Item-item itu ialah item B11 dan C11. Item B11 dalam bahagian pemboleh ubah pengetahuan guru pelatih terhadap PBD menunjukkan nilai Levene 0.21 ( $P<0.05$ ). Oleh itu pengkaji melihat nilai  $t$  pada bahagian variasi yang sama tidak diandaikan (Equal Variances Not Assumed). Seterusnya item C11 pada pemboleh ubah kemahiran guru pelatih terhadap PBD menunjukkan nilai Levene 0.05 ( $P>0.05$ ). Oleh itu, pengkaji melihat nilai  $t$  pada bahagian variasi yang sama diandaikan (Equal Variances Assumed). Hasil analisis ujian T bagi dua sampel bebas item B11 dan C11 ditunjukkan dalam Jadual 5.

**Jadual 5**  
*Hasil Analisis Ujian T Dua Sampel Bebas Bagi Item*

No	Item	Jantina	Min	Nilai T	df	Sig
B11	<b>Pengetahuan guru pelatih terhadap PBD</b> Saya dapat menyatakan cara memberikan motivasi kepada murid.	Lelaki Perempuan	4.46 4.67	-2.32	122	0.02
C11	<b>Kemahiran guru pelatih terhadap PBD</b> Saya berjaya memberikan motivasi kepada murid.	Lelaki Perempuan	4.50 4.72	-2.27	122	0.03

Tahap pengetahuan guru pelatih terhadap PBD berdasarkan jantina melalui item B11 menunjukkan nilai  $t$  (122) = -2.32 dan nilai  $P= 0.02$  ( $P<0.05$ ). Jika dilihat dari segi min menunjukkan tahap pengetahuan guru pelatih lelaki terhadap cara memberikan motivasi kepada murid dengan nilai min= 4.46. Manakala nilai min guru pelatih perempuan terhadap cara memberikan motivasi kepada murid ialah 4.67. Hal ini menunjukkan secara signifikannya, guru pelatih perempuan lebih berpengetahuan tentang cara memberikan motivasi kepada murid berbanding guru pelatih lelaki.

Seterusnya tahap kemahiran guru pelatih terhadap PBD berdasarkan jantina melalui item C11 menunjukkan nilai  $t$  (122) = -2.27 dan nilai  $P= 0.03$  ( $P<0.05$ ). Jika dilihat dari segi min menunjukkan tahap kemahiran memberikan motivasi guru pelatih lelaki ialah 4.50. Manakala nilai min kemahiran memberikan motivasi guru pelatih perempuan ialah 4.72. Hal ini menunjukkan secara signifikannya, guru pelatih perempuan lebih berkemahiran dalam memberikan motivasi kepada murid berbanding guru pelatih lelaki.

**Soalan Kajian 4:**      **Adakah terdapat hubungan tahap pengetahuan dan tahap kemahiran guru pelatih tentang PBD?**

Pengkaji menjalankan Analisis Korelasi Pearson bagi mengenal pasti hubungan kedua pemboleh ubah iaitu tahap pengetahuan dan tahap kemahiran guru pelatih tentang PBD. Hasil analisis nilai pekali korelasi yang dijalankan dimuatkan dalam Jadual 5.

**Jadual 5**

*Analisis Hubungan Antara Tahap Pengetahuan Dan Kemahiran Guru Pelatih Tentang PBD*

Pemboleh ubah	Pekali korelasi Pearson (r)	Tahap Signifikan	Interpretasi Kekuatan Hubungan
Pengetahuan dan kemahiran guru pelatih tentang PBD	0.838	0.00	Perkaitan yang kuat

Berdasarkan Jadual 3, dapatkan kajian menunjukkan hasil pekali Kolerasi Pearson antara tahap pengetahuan dan kemahiran adalah  $r= 0.838$ ,  $P= 0.00$  ( $P<0.05$ ). Hasil analisis ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kedua pemboleh ubah.

### **Perbincangan dan Cadangan**

Dapatkan kajian menunjukkan tahap pengetahuan guru pelatih tentang PBD adalah tinggi. Dapatkan ini selari dalam kajian Sh. Siti Hauzimah (2019) yang menunjukkan guru-guru mempunyai pengetahuan yang tinggi akan pelaksanaan PBD. Kajian ini adalah bertentangan oleh Fakhri dan Mohd Isha (2016); Hamimah dan Rohaya (2014); Siti Hayati dan Lee Hoi Yeh (2018); Zulkifli Hassan dan Norazilawati Abdullah (2016), yang menyatakan walaupun guru-guru telah mengikuti latihan dan kursus PBD, namun guru-guru masih kurang pengetahuan, latihan dan kemahiran dalam melaksanakan PBD.

Dapatkan kajian menunjukkan guru-guru pelatih mempunyai pengetahuan yang tinggi dalam cara tindakan susulan dijalankan. Guru-guru pelatih tahu cara memberikan motivasi kepada murid yang lemah. Motivasi ini termasuklah dengan memberikan bimbingan dan peneguhan. Motivasi ini adalah bertepatan dalam teori Vygotsky yang mengemukakan *scaffolding* sebagai kerangka yang membantu murid dalam pembelajaran. Ini selari seperti yang dinyatakan dalam Kalai Selvan (2020) bahawa guru meningkatkan penguasaan murid dengan memberikan bimbingan dan menukar cara pentaksiran yang sesuai dengan tahap murid.

Dapatkan kajian tahap kemahiran guru pelatih tentang PBD adalah tinggi dan sangat bagus. Ini menunjukkan guru pelatih mampu mengaplikasi teori dan ilmu pengetahuan yang diperoleh semasa. Tahap kemahiran ini juga menunjukkan guru pelatih komited dalam melaksanakan PBD yang dihasratkan oleh KPM. Dapatkan ini selari dalam kajian oleh Sh. Siti Hauzimah (2019); Aniza dan Zamri (2015); Tan Jia Yuh dan Husaina Banu Kenayathulla (2020) yang mendapati guru-guru mempunyai kemahiran PBD yang baik. Dapatkan kajian juga selari dalam Zahari et al. (2020) yang mendapati guru pelatih menilai kemahiran diri dalam pentaksiran pada tahap yang tinggi. Namun begitu, bertentangan dalam kajian oleh Zulkifli Hassan dan Norazilawati Abdullah (2016) yang menunjukkan guru-guru mempunyai kemahiran yang sederhana dalam pentaksiran.

Analisis konstruk yang memperoleh nilai min terendah iaitu konstruk pelaporan. Ini menunjukkan guru pelatih kurang berkemahiran dalam aspek pelaporan berbanding kemahiran yang lain. Ini berikutan fokus guru pelatih terarah kepada tugas menyempurnakan pengajaran dan pembelajaran sehari-hari. Guru pelatih dilihat kurang masa untuk melaporkan pentaksiran yang dijalankan. Ini adalah selari dalam Aziz dan Sharmizal Suhaida (2011) yang menyatakan guru pelatih merasa terbeban dalam kerja-kerja semasa praktikum. Guru pelatih perlu menyediakan bahan bantu mengajar dan rancangan pengajaran harian yang sempurna. Fokus ini menyebabkan guru pelatih kurang masa untuk melaporkan pentaksiran yang dijalankan. Oleh itu, guru pelatih perlu bijak dalam menguruskan masa agar semua kerja dapat diseimbangkan.

Secara keseluruhannya, item yang mendapat min paling rendah iaitu menyediakan skema pemarkahan bagi setiap instrumen yang dibina. Ini menunjukkan, dalam merancang pentaksiran, guru pelatih kurang menitik berat aspek skema pemarkahan. Dapatkan ini selari dalam kajian oleh Lee Hoi Yeh (2020) yang menyatakan guru-guru dilihat tidak menggunakan rubrik pemarkahan. Ketidaaan skema atau rubrik pemarkahan boleh menimbulkan pentaksiran secara bias dan tidak sama rata seperti yang dilaporkan oleh Halimah dan Rozita Radhiah (2019) yang menyatakan guru-guru mentaksir murid secara purata tidak secara individu, seterusnya mentaksir murid mengikut persepsi sendiri.

Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pengetahuan dan kemahiran guru pelatih berdasarkan jantina. Ini menunjukkan tahap pengetahuan dan kemahiran tidak dipengaruhi oleh faktor gender tetapi usaha individu. Namun, analisis yang mendalam terhadap item menunjukkan adanya perbezaan pada pengetahuan dan kemahiran memberikan motivasi kepada murid yang lemah.

Hal ini mungkin kerana faktor perempuan yang mempunyai sifat dan naluri keprihatinan yang lebih daripada lelaki. Perempuan yang dibekalkan secara semula jadi dengan set emosi memberikan tindak balas kepada murid yang lemah. Ini selari dalam kajian oleh Abdul Adib, Agnis Sombuling dan Lailawati (2017) yang menunjukkan perempuan lebih prihatin dan mempunyai kecerdasan emosi yang lebih tinggi berbanding lelaki serta perempuan dikurniakan sifat-sifat tertentu seperti sifat keibuan. Inilah yang menatijahkan pengetahuan dan kemahiran dalam memberikan motivasi kepada murid yang tinggi. Ini kerana seorang ibu menginginkan yang terbaik buat anaknya, serta ibu risau akan anak yang lemah. Oleh itu, sifat dan naluri semulajadi seorang guru pelatih perempuan menjadikan mereka peka, endah dan prihatin dalam memberikan motivasi kepada murid yang lemah berbanding guru pelatih lelaki.

Kesimpulannya, pengkaji bersetuju dan yakin dengan dapatan kajian yang bahawa secara keseluruhannya tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap pengetahuan dan kemahiran guru pelatih terhadap PBD berdasarkan jantina. Ini kerana keupayaan pemerolehan pengetahuan terhadap PBD merupakan usaha dan keringat diri sendiri. Serta dorongan tahap kemahiran terhadap PBD adalah berdasarkan motivasi dan kesungguhan individu tidak bergantung kepada jantina. Namun, bagi satu aspek iaitu tindakan susulan kepada memberikan motivasi kepada murid yang lemah, pengkaji turut yakin bahawa guru pelatih perempuan lebih dominan dan terzahir sifat keprihatinan mereka. Secara keseluruhannya, guru pelatih lelaki dan perempuan mempunyai tahap pengetahuan dan kemahiran yang sama, dibezaan dengan motivasi, kesungguhan dan sifat semula jadi.

Dapatan kajian menunjukkan semakin tinggi tahap pengetahuan guru pelatih tentang PBD maka semakin tinggi kemahiran guru pelatih dalam melaksanakan PBD yang lebih berkesan. Dapatan ini selari dalam kajian oleh Rafeah (2014) yang menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan dengan kemahiran pentaksiran guru. Oleh itu, guru pelatih yang berusaha memantapkan diri dengan pengetahuan tentang PBD, sama ada dengan menghadiri kursus, bengkel, perkongsian guru lain secara tidak langsung meningkatkan kemahiran guru pelatih dalam kemahiran melaksanakan PBD dengan lebih efektif dan berkesan.

Namun dapatan kajian bertentangan dalam Varatharaj (2015) yang mendapati guru-guru mempunyai pengetahuan bahawa maklum balas berupaya meningkatkan pembelajaran murid. Namun guru-guru dilihat tidak mahir memberikan maklum balas kepada murid. Maklum balas yang diberikan hanya melibatkan kata pujian seperti ‘‘bagus, baik, memberangsangkan’’. Juga bertentangan dalam Fakhri dan Mohd Isha (2016); Hamimah dan Rohaya (2014) yang menyatakan walaupun guru-guru telah mengikuti latihan dan kursus PBD, namun guru-guru masih tidak berkemahiran dalam PBD.

## KESIMPULAN

Hasil kajian dapat membuktikan tahap pengetahuan guru pelatih tentang PBD merangkumi perancangan, pelaksanaan, tindakan susulan dan pelaporan adalah tinggi. Bagi tahap kemahiran guru pelatih tentang PBD juga menunjukkan tahap kemahiran yang tinggi dan sangat baik. Tidak terdapat perbezaan antara tahap pengetahuan dan kemahiran guru pelatih tentang PBD berdasarkan jantina. Akhir sekali, terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan dan tahap kemahiran guru pelatih tentang PBD.

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, guru pelatih haruslah sentiasa meningkatkan pengetahuan tentang PBD seiring dengan perkembangan pembelajaran semasa dan mengambil

peluang menghadiri kursus PBD. Pihak IPG perlu komited dalam mewujudkan bengkel panduan pelaksanaan PBD serta menyediakan bahan rujukan yang diperlukan. Pengkaji mencadangkan agar kajian lanjutan dijalankan dengan meluaskan populasi dan responden kajian Selain itu, mengkaji tentang masalah dan isu yang dihadapi oleh guru pelatih semasa melaksanakan PBD. Seterusnya, kajian lanjutan dengan meninjau perbezaan pelaksanaan PBD oleh guru pelatih berdasarkan lokasi sekolah.

### Rujukan

- Abdul Adib Asnawi, Agnis Sombuling & Lailawati Madlan @ Endalan. (2017). Penerimaan Gaya Keibubapaan Dalam Kalangan Remaja Dan Kesannya Terhadap Perkembangan Kecerdasan Emosi. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 31 (2), 78 – 89.
- Abdull Sukor Shaari, Mohd Izam Ghazali, Nurahimah Mohd Yusof & Mohd Isha Awang. (2016). Amalan Pedagogi Berpusatkan Pelajar Dan Masalah Yang Dihadapi Guru-Guru Pelatih Program Pensiswazahan Guru Untuk Mengamalkan Pedagogi Berpusatkan Pelajar Semasa Praktikum. Kertas Kerja Dibentangkan di Proceeding of Icecrs, International Seminar On Generating Knowledge Through Research, Universiti Utara Malaysia, Malaysia.
- Ahmad, A. & Mahamod, Z. (2016). Tahap Kemahiran Guru Bahasa Melayu Sekolah Menengah Dalam Melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah Berdasarkan Jantina, Opsyen dan Tempat Mengajar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 5(1), 18-29.
- Aniza Ahmad & Zamri Mahamod. (2015). Tahap Kemahiran Guru Bahasa Melayu Sekolah Menengah Dalam Melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah Berdasarkan Jantina, Opsyen Dan Tempat Mengajar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 5(1), 18-29.
- Aziz Nordin & Sharmizal Suhaida Ahmad Basharuddin. (2011). *Kajian Mengenai Masalah-Masalah Yang Dihadapi Oleh Guru Pelatih Sains Semasa Menjalani Latihan Mengajar*. Diakses daripada [https://Www.Researchgate.Net/Publication/49911081\\_Kajian\\_Mengenai\\_MasalahMasalah\\_Yang\\_Dihadapi\\_Oleh\\_Guru\\_Pelatih\\_Sains\\_Semasa\\_Menjalani\\_Latihan\\_Mengajar](https://Www.Researchgate.Net/Publication/49911081_Kajian_Mengenai_MasalahMasalah_Yang_Dihadapi_Oleh_Guru_Pelatih_Sains_Semasa_Menjalani_Latihan_Mengajar)
- Chan Yuen Fook & Gurnam Kaur Sidhu. (2012). School Based Assessment Among Esl Teachers In Malaysian Secondary Schools. *Journal of The Malaysian Education Dean's Council*, 9, 1-18.
- Fakhri Abdul Khalil, & Mohd Isha Awang. (2016). Isu Kesediaan Guru Dalam Amalan Melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah. *Journal Of Social Science*, 2, 1–7.
- Halimah Jamil & Rozita Radhiah Said. (2019). Pelaksanaan Penskoran Pentaksiran Lisan Bahasa Melayu Dalam Pentaksiran Bilik Darjah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 9(2), 25-36.
- Hamimah Abu Naim, Rohaya Talib. (2014). Cabaran Pentaksiran Berasaskan Sekolah: Dilema Guru. Prosiding Seminar Antarabangsa Kelestarian Insan, Batu Pahat, Johor.
- Ili Atiqah Md.Din Amir, R. B. (2016). Sikap Terhadap Kemahiran Pemikiran Kritikal Dan Hubungannya Dengan Prestasi Akademik Dalam Kalangan Pelajar-Pelajar Ukm. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 30 (1), 142-151.
- Kalai Selvan Arumugham. (2020). Kurikulum, Pengajaran Dan Pentaksiran Dari Perspektif Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah. *Asian People Journal*, 3(1), 152-161.
- Kamus Pelajar Edisi Kedua. (2015) (2nd Ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). Panduan Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Krejcie, R., & Morgan, D. (1970). Determining sample size for research activities. Educational and Phycological measurement, 30, 607-610.
- Lee Hoi Yeh. (2020). Artikel Strategi Pelaksanaan Pbs Guru-Guru Psv Hilir Perak dan Bagan Datuk Berhubung Kait Dengan Estetik. *Journal Of Applied Arts*, 2(1), 78-87.
- Lembaga Peperiksaan Malaysia. (2012). *Panduan Pengurusan Pentaksiran*

- Berasaskan Sekolah (PBS). Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Lily Hanefarezan Asbullah, Maimun Aqsha Lubis, Ashinida Aladdin & Mus'ab Sahrin. (2018). Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen Strategi Pembelajaran Kolokasi Bahasa Arab: Analisis Menggunakan Model Rasch. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 1(1), 131-140.
- Lim Khong Chiu, Nor Idayu Mahat, Shahizan Hassan, Abdul Razak Chik & Mohd Azlan Yahya. (2010). Penilaian Terhadap Prestasi Pelajar Dan Pengurusan Program Praktikum Universiti Utara Malaysia. *Malaysia Journal of Learning and Instruction*, 7, 133-164.
- Mohd Fairuz Jafar, Shahizan Hasan & Azalina Yusoff. (2017). Pengaruh Aspek Penyeliaan Pensyarah Dan Aspek Pemerhatian Pengajaran Rakan Terhadap Efikasi Kendiri Guru Pelatih: Satu Struktur Model. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 31 (3), 120-136.
- Mohd. Majid Konting. (1998). Kaedah Penyelidikan Pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mohd Nasir Rayung & Abdul Said Ambotang (2018). Hubungan Kemahiran Keusahawanan, Kemahiran Pengurusan Dan Pembelajaran Sepanjang Hayat Terhadap Kemahiran Berfikir Kritis Pelajar Tingkatan Enam. *Jurnal Kinabalu*. 24(1), 58-77.
- Miller Yong & Anuar Abd. Rahman. (2014). Kompetensi Dimiliki Guru Pelatih Prasekolah Di Institut Pendidikan Guru. International Education Postgraduate Seminar, Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru. pp. 808-824.
- Naquiah Nahar & Jimaaín Safar. (2017). Pengusaan Pengetahuan Kandungan (Content Knowledge): Pemangkin Keterampilan Pedagogi Jawi Berkesan Abad Ke-21. *Jurnal Teknikal Dan Sains Sosial*. 1(1). pp. 45-59.
- Noor Akmar Jais. (2019, Februari). Pelaksanaan PBD Pentaksiran Pembelajaran Berorientasikan Perkembangan Murid. Majalah Pendidik, 6-7.
- Rafeah Kanji (2014). *Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah Di Sekolah Menengah Daerah Segamat*. Tesis Sarjana Pendidikan. Diakses Daripada <Http://Eprints.Utm.My/Id/Eprint/78001/1/Rafeahkanjimfp20141.Pdf>
- Rorlinda Yusof & Faridah Anum Abdul Wahid. (2014). *Pengetahuan Pentaksiran Berasaskan Sekolah Dalam Kalangan Guru Pelatih Pismp Di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas*. Diakses Daripada [Http://Tempawan.Ipgkik.Edu.My/WpContent/Uploads/2018/11/Artikel1\\_2014.Pdf](Http://Tempawan.Ipgkik.Edu.My/WpContent/Uploads/2018/11/Artikel1_2014.Pdf)
- Siti Hayati Mohd Yusoff & Lee Hoi Yeh. (2018). Pengetahuan Dan Kesediaan Guru Psv Hilir Perak Dan Bagan Datuk Dalam Melaksanakan PBS Dalam PdP. *Jurnal Penyelidikan DediKasi*, Jilid 14,123-142.
- Sh. Siti Hauzimah Wan Omar. (2019). Pengetahuan, Kemahiran, Sikap Dan Masalah Guru Dalam Melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah Bahasa Melayu Di Sekolah Rendah Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu. *Malay Language Education Journal*, 9(1), 56-67.
- Sonia, B. (2004). *Panduan Pengurus Peringkat Pertengahan Di Sekolah*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Bhd.
- Tan Jia Yuh & Husaina Banu Kenayathulla. (2020). Pentaksiran Bilik Darjah Dan Prestasi Murid Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Di Hulu Langat, Selangor. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 7(3), 70-90.
- Varatharaj, R. (2015). Amalan Pentaksiran Dalam Pdp Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Di Sekolah Kluster. *Jurnal Penyelidikan DediKasi*, 9, 1-17.
- Zahari Suppian, Nor Hasnida Che Md Ghazali, Nor Junainah Mohd Isa, Priyalatha Govindasamy. (2020). Penilaian Kendiri Guru Pelatih Terhadap Tahap Kemahiran Pentaksiran Bilik Darjah (PBD). *Jurnal Dunia Pendidikan*. 2(4), 98-106.
- Zulkifli Hassan & Norazilawati Abdullah. (2016). Penilaian Guru Sekolah Rendah Di Daerah Kinta Utara Terhadap Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan Dan Kokurikulum (PAJSK). *Jpbu Edisi Khas*, 18-24.